

02/06/2004

Malaysia manfaatkan dasar pintu terbuka China

By Mior Kamarul Shahid

TIGA puluh tahun lalu berlaku pergolakan di Asia Tenggara akibat perbezaan fahaman yang mencetuskan perang dingin berpunca daripada perlumbaan meluaskan penjajahan minda yang dilancarkan bangsa penjajah.

Republik Rakyat China yang dikenali mengamalkan sistem komunis menjadi tumpuan kerana perang dingin adalah pertembungan ideologi antara negara yang mengamalkan sistem demokrasi dan sistem komunis. Sewaktu kapitalis Barat cuba mempengaruhi negara di rantau ini supaya menyebelahi mereka dan menolak ideologi yang datang dari Russia atau China, ketika itulah Perdana Menteri Kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein membuat kejutan menjalin hubungan diplomatik dengan China.

Allahyarham Tun Razak datang ke China menemui dan berunding dengan Pengerusi Parti Komunis China, Mao Tze Dong dan kemudian menandatangani perjanjian bersama dengan Perdana Menteri Chou En-Lai. China, yang waktu itu masih mengamalkan dasar tutup pintu, amat digeruni kerana ditonjolkan sebagai ganas, zalim dan berbahaya.

Imej komunis yang ditonjolkan ketika itu sama dengan imej pengganas Islam yang dipaparkan Barat hari ini. Ketika itu tidak ada sebuah negara di Asia Tenggara yang sanggup menjalin hubungan diplomatik dengan China yang dipaparkan sebagai subversif, gerila dan bergerak dalam hutan belantara sebagai kubu untuk menggerakkan perjuangan mereka.

Apatah lagi kuasa besar sentiasa memerhatikan kecenderungan negara yang mereka mempunyai kepentingan supaya tidak cenderung berhubung dengan negara yang dianggap sebagai penentang kapitalis. Pelbagai peristiwa serangan hendap komunis sewaktu Malaya, malah selepas Malaysia merdeka, keganasan pejuang komunis menghantui masyarakat ketika itu.

Lawatan Allahyarham Tun Razak membuat satu anjakan baru apabila China diterima sebagai kawan dengan mewujudkan hubungan dua hala dengan Malaysia. Pada 27 hingga 31 Mei lalu, sejarah hubungan diplomatik Malaysia-China berulang lagi, walaupun dalam keadaan yang berbeza.

Kali ini Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengunjungi negara itu, tetapi misinya agak berbeza. Perhubungan yang bertali arus yang dilanjutkan oleh Allahyarham Tun Hussein Onn walaupun antikomunis masih menebal, diikuti Tun Dr Mahathir Mohamad, kini sampailah masanya Abdullah meneroka satu bentuk perhubungan baru dengan menyesuaikan kehendak dan suasana dunia moden hari ini.

Malaysia menggerakkan langkah jauh ke depan kerana suasana sewaktu perang dingin dan dunia teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) hari ini, memerlukan persahabatan bentuk baru - perkongsian ekonomi. Tiga puluh tahun lalu, tidak ada negara yang cenderung untuk berbaik-baik dengan China kerana bimbang ancaman kuasa besar Barat yang menolak komunis tetapi hari ini semua negara berlumba-lumba untuk merapatkan diri dan menjadi rakan kepada China kerana melihat potensi ekonomi yang besar yang boleh mereka raih.

Jika tindakan Allahyarham Tun Abdul Razak berbaik-baik dengan China boleh menimbulkan prasangka buruk di kalangan negara yang menolak China ketika itu, Abdullah melihat bagaimana Malaysia boleh diterima China yang sudah pun mempunyai ramai sahabat dari negara seluruh dunia walaupun mereka terkemudian menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara itu.

Melihat kepada penerima pemimpin China yang diterajui Presiden Hu Jintao dan Perdana Menteri Wen Jiabao terhadap Abdullah, Malaysia tidak berganjak daripada kedudukannya sebagai negara perintis hubungan dengan republik

itu. Tali persahabatan begitu akrab. Berbaik-baik dengan China bukanlah untuk mendapatkan perlindungan keselamatan sebagaimana dilakukan negara yang cuba mendapatkan perlindungan dari sesebuah kuasa besar sewaktu perang dingin.

Berbaik-baik dengan China adalah semata-mata untuk mendapatkan faedah bersama ekonomi. China sebagai sebuah negara yang mempunyai penduduk 1.3 bilion, sudah pun mula membuka pasarannya yang kini menuju ke arah pasaran ekonomi penuh, memberi kesan amat besar kepada dunia.

Kuasa besar lain bimbang kerana China akan mendapat sokongan daripada negara Asia Tenggara bagi memajukan ekonomi republik itu. Negara yang bersahabat dengan China menyedari faedahnya menjalin dengan republik itu. Mereka akan ketinggalan jika memencilkan diri daripada China.

Inilah salah satu punca Barat begitu bimbang dengan kebangkitan China. Barat takut kehilangan pengaruh apabila China muncul sebagai sebuah kuasa ekonomi. Malaysia tidak percaya kepada saingan ketenteraan tetapi kekuatan sebenar sesebuah negara adalah kekukuhan ekonominya. Pemilihan China sebagai tempat lawatan rasmi pertama Abdullah di luar Asean mempunyai signifikasinya tersendiri.

Dari banyak segi, tidak ada sebuah negara di rantau Asia yang mampu menyaingi potensi China sebagai sebuah kuasa ekonomi meskipun ramai yang mengatakan kuasa politik republik itu, tidak boleh diperkecilkan.

Delegasi Abdullah yang mengandungi sembilan menteri, tiga menteri besar dan ketua menteri selain daripada ketua-ketua jabatan penting dan kira-kira 500 ahli perniagaan Malaysia dengan sendirinya menunjukkan China amat penting bagi Malaysia.

Terbukti, kedua-dua negara menyatakan persetujuan mereka untuk mengorak langkah bersama ke satu tahap baru hubungan dua hala menerusi pelbagai lapisan dan bentuk kerjasama. Tanpa niat untuk mencampuri sebarang urusan politik China, Malaysia akur kepada prinsip 'satu dasar China' yang didukung republik itu.

Sehubungan itu, sempena lawatan Abdullah, kedua-dua negara mengeluarkan satu pernyataan bersama menggariskan asas 'bab baru' hubungan antara kedua-dua negara. Sewaktu lawatan Allahyarham Tun Abdul Razak, pernyataan bersama yang dikeluarkan menyebut pemimpin Malaysia dan China bersetuju mewujudkan hubungan diplomatik dengan prinsip asas terhadap perhubungan jiran, terutama prinsip hormat-menghormati kedaulatan dan keutuhan wilayah, di samping prinsip tidak campur tangan hal ehwal dalam negara masing-masing dan akur terhadap 'satu dasar China.'

Rumusan daripada lawatan Abdullah ke China disimpulkan sebagai satu kejayaan besar kepada negara kerana ia bukan saja sekadar menjalin hubungan politik tetapi Malaysia dan China setuju untuk meluaskan bidang kerjasama dalam pelbagai bidang. Malaysia dan China adalah rakan kongsi perniagaan yang sanggup bantu-membantu antara satu dengan lain.

Pernyataan bersama itu mengenal pasti hasrat kedua-dua kerajaan untuk meningkatkan kerjasama dalam sektor tertentu seperti pertanian, penerbangan udara, perkapalan, tenaga, kewangan, buruh, sains dan teknologi, ruang angkasa, budaya, pelajaran dan kesihatan awam.

Sebagaimana dijelaskan oleh Perdana Menteri, Malaysia dan China perlu bekerjasama mewujudkan agenda era baru kerjasama serantau bukan saja berhubung perkara keselamatan tetapi juga bidang sosio-ekonomi di rantau Asia Timur.

Bagi ahli perniagaan, mereka perlu mengenal rakan kongsi mereka di China dan meneroka bidang yang boleh membawa kejayaan bersama. Dengan 28 memorandum persefahaman (MoU) dan enam memorandum perjanjian yang ditandatangani antara sektor swasta, ia menunjukkan ahli perniagaan kedua-dua negara tidak bertepuk sebelah tangan.

Kedua-dua kerajaan juga menandatangani tiga memorandum yang berfungsi

untuk membuka ruang kerjasama yang lebih luas. Sekarang, kedua-dua negara tidak perlu menunggu 30 tahun akan datang untuk merealisasikan hasil rundingan Abdullah dan pemimpin China kerana kedua-dua negara sudah pun membuka pintu untuk meneroka peluang yang terbuka luas.

(END)